

Suasana `suram' sambut ketibaan Muhyiddin, Shafie di PWTC
Malaysian Insider
Dec 10, 2015
Oleh Mohd Farhan Darwis

Suasana sedikit suram menyambut ketibaan Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Naib Presiden Umno Datuk Seri Shafie Apdal yang tiba di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) untuk menghadiri Perhimpunan Agung Umno (PAU) 2015.

Tiada teriakan menyambut ketibaan Muhyiddin pada 8.30 pagi, beberapa minit lebih awal sebelum Shafie, sebaliknya hanya sekumpulan pemberita yang bergambar bersama beliau.

Situasi berbeza apabila Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak disambut dengan teriakan "Hidup Najib" beberapa kali sebaik saja tiba di PWTC.

Turut kelihatan Presiden MIC Datuk Seri Dr S Subramaniam yang tidak menyambut Muhyiddin, sebaliknya berlalu terus ke dewan persidangan sebaik tiba di PWTC.

Perhimpunan penuh PAU 2015 berlangsung hari ini selepas mesyuarat sayap Wanita, Pemuda, dan Puteri selesai dijalankan semalam.

Suasana agak pelik juga kelihatan apabila Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, yang juga timbalan perdana menteri, tiba dan Muhyiddin pergi ke arahnya dan bersalaman sambil berbisik sesuatu.

Ahli Umno dan penyokong yang menyambut ketibaan pemimpin tertinggi Umno itu juga diam membisu tanpa sebarang teriakan.

Muhyiddin kemudiannya mengiringi Najib memeriksa kawalan kehormat.

Turut difahamkan, Tun Dr Mahathir Mohamad tiba lebih awal dan memasuki Dewan Tun Razak. – 10 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/suasana-suram-sambut-ketibaan-muhyiddin-shafie-di-pwtc>